

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
TENAGA NASIONAL BERHAD PORT DICKSON

OLEH

NORHASZRIEDILLAH BIN KHAMIS  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
( POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL )

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA  
JABATAN EKOLOGI SOSIAL  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
( KUSTEM )

2006

/3409

1100045574

LI 36 FPE 2 2006



1100045574

Laporan akhir latihan industri di Tenaga Nasional Berhad Port  
Dickson / Norhaszriedillah Khamis.



**PERPUSTAKAAN**  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU

	1100045574

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
TENAGA NASIONAL BERHAD PORT DICKSON

OLEH

NORHASZRIEDILLAH BIN KHAMIS  
SARJANA MUDA PENGURUSAN (POLISI DAN  
SEKITARAN SOSIAL)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DI SERAHKAN KEPADA

JABATAN EKOLOGI SOSIAL

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA


2006

1100045574

## PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **NORHASZRIEDILLAH BIN HJ. KHAMIS** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus **SOS 4299** adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pendangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandatangan



NORHASZRIEDILLAH BIN HJ. KHAMIS

Tarikh : 19/11/2006

Disahkan oleh:



DR. NIZAITA OMAR  
Penyelia KUSTEM  
b/p Pengurusan dan Teknologi  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
KUSTEM

## **SENARAI KANDUNGAN**

<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
PENGHARGAAN	i
RINGKASAN EKSEKUTIF	iii
SINGKATAN PERKATAAN	iv
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1. 1 Latar belakang syarikat	1
1. 2 Profail syarikat	4
1. 3 Lokasi dan kedudukan	6
1. 4 Visi dan misi	7
1. 5 Rasional Logo	9
1. 6 Bahagian-bahagian TNB	12
1. 7 Struktur Organisasi	14
1. 8 Laporan tugas dan aktiviti	15
1. 9 Kemahiran yang dipelajari	22
<b>BAB 2 SISTEM KERJA, MASALAH DAN JALAN PENYELESAIAN</b>	
<b>Mengesan Sistem</b>	
2. 1 Sistem yang digunakan	27
2. 2 Sistem CIBS	28

2.3	Sistem ERMS	32
2.4	Sistem Mesin Kutipan	33
2.5	Sistem HHT	35
2.6	Sistem perakam waktu	37
2.7	Sistem perfailan	38

### **Pengenalpastian masalah**

2.8	Masalah dalam sistem CIBS	39
2.9	Masalah dalam sistem mesin kutipan	40
2.10	Masalah dalam sistem HHT	41
2.11	Masalah dalam sistem perakam waktu	42
2.12	Sistem perfailan yang tidak teratur	43

### **Cadangan penyelesaian**

2.13	Mewujudkan sistem E-CIBS	44
2.14	Membaik pulih sistem mesin kutipan	45
2.15	Sistem elektronik yang lebih berkesan	46
2.16	Sistem perfailan yang sistematik	47
2.17	Pemantauan yang berterusan	47

### **BAB 3 PENUTUP**

3.1	Kesimpulan dan harapan	49
	Senarai lampiran	53

## **PENGHARGAAN**

### **BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Segala puji bagi Allah, Tuhan Pencipta Alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, kaum keluarga, para sahabat serta pengikut-pengikutnya yang setia.

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana di atas nikmat dan limpah KurniaNya dapatlah saya menjalankan tugas-tugas yang diamanatkan kepada saya selaku pelatih Latihan Industri di Bahagian Pembahagian Tenaga Nasional Berhad Port Dickson.

Terima kasih diucapkan kepada Pejabat Bahagian Pembahagian Tenaga Nasional Berhad Port Dickson kerana sudi menerima saya menjalani Latihan Industri di pejabat ini selama 12 minggu iaitu bermula 17 April hingga 09 Julai 2006. Kesanggupan pejabat ini amatlah saya hargainya. Selain itu juga, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua kakitangan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan segala tunjuk ajar dan bimbingan kepada saya sepanjang menjalani latihan ini. Jasa kalian semua amatlah saya hargai.

Ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada insan istimewa dalam hidup saya iaitu kedua ibu bapa saya yang sentiasa mendoakan kejayaan saya menjalani latihan ini serta banyak memberi sumbangan terutama dari segi kewangan yang amat diperlukan. Jasa dan pengorbanan kalian amat bererti dalam hidup saya.

Selain itu juga, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia Latihan Industri iaitu Dr. Nizaita Omar dalam memberikan tunjuk ajar dan panduan dalam proses menyiapkan laporan akhir latihan industri ini. Selain itu juga kesanggupan beliau melawat tempat saya menjalani Latihan Industri juga amatlah saya hargainya.

Akhir kata, ingin saya mengambil kesempatan untuk merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua rakan- rakan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan tugas ini. Jasa dan pengorbanan kalian amatlah saya sanjungi.

Sekian, Wabillahi Taufik Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh..

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Tenaga Nasional Berhad ( TNB ) adalah sebuah syarikat utiliti terbesar di Malaysia yang memiliki aset bernilai lebih RM60 billion dan memberi khidmat kepada lebih enam juta pelanggan di seluruh Semenanjung dan Sabah. Aktiviti teras TNB ialah penjanaan, penghantaran, dan pembahagian tenaga elektrik. Hari ini, TNB merupakan syarikat utama dalam penjanaan elektrik dan merupakan satu bahagian penting dalam rangkaian kepelbagaian aktiviti perniagaan kumpulan. TNB mempunyai keupayaan penjana terbesar iaitu 10,481 MW. Kini, TNB mempunyai sistem pembekal elektrik yang lengkap, termasuk Grid Nasional, Pusat Perkhidmatan Pelanggan, Pusat Pengurusan Panggilan dan Pejabat-pejabat pentadbiran di seluruh Semenanjung Malaysia dan Sabah. Pelatih telah mendapat pendedahan pekerjaan daripada Latihan Industri yang telah dijalankan selama 12 minggu. Ini termasuk kemahiran dan pendedahan dalam bidang pengurusan pejabat dan pelbagai prosedur serta proses kerja. Pelatih telah belajar pelbagai sistem yang digunakan dalam organisasi ini dalam menjalankan urusan sehari-hari. Pelatih juga dapat mengenalpasti beberapa masalah yang terdapat dalam organisasi ini. Selain itu, pelatih turut mencadangkan beberapa cara penyelesaian yang difikirkan sesuai bagi dilaksanakan untuk mengatasi dan memperbaiki masalah serta kelemahan yang ada. Cadangan tersebut boleh diguna pakai serta diambil bagi tujuan rujukan pada masa akan datang. Pejabat Bahagian Pembahagian TNB Port Dickson merupakan organisasi yang telah banyak memainkan peranan dalam pengurusan pembangunan terutama dalam pentadbiran tanah dan program untuk rakyat tempatan. Kelancaran dan keberkesanan pengurusan tidak akan dapat dicapai tanpa kerjasama dari semua pihak.